

Pembukaan Permohonan Dana Penerbitan Jurnal untuk Pembayaran Penerbitan Jurnal bagi Tahun 2022

Untuk makluman, pihak RMC UPM akan membuka permohonan **Dana Penerbitan Jurnal (DPJ)** bagi tahun 2022 **mulai 1 Jun 2022.**

Kadar bagi pembiayaan penerbitan masih sama seperti Jadual 1 bagi tahun 2022:

KUALITI	NILAI PEMBIAYAAN (RM)
Top 10%	10,000
Q1 (10-25%)	8,000
Q2	6,000
Q3	4,000
Q4	2,000
Scopus*	1,000

*Nota:

- i. Hanya tertakluk kepada SPE, FPP, FEM, FBMK, FRSB, FKPS, FSPP dan bagi PTJ lain; Pegawai Akademik / Felo Penyelidik / Pegawai Penyelidik dalam bidang Sains Sosial sahaja.
- ii. Pegawai Akademik (pensyarah kanan / pensyarah) yang dilantik dalam tempoh tiga tahun dari tarikh penghantaran artikel.

Berikut adalah syarat permohonan (DPJ) bagi tahun 2022:

- a) Setiap pegawai akademik/ felo penyelidik / pegawai penyelidik yang layak, hanya dibenarkan untuk mengemukakan sebanyak **DUA (2) permohonan DPJ sahaja sepanjang tahun 2022.**
- b) Setiap permohonan DPJ perlu disertakan dengan bukti **DUA (2) penerbitan artikel jurnal yang mematuhi KESEMUA syarat berikut;**
 - i. Pemohon **merupakan penulis penghubung (*corresponding author*) bagi kedua-dua artikel tersebut,**
 - ii. **Berstatus "published" atau "accepted"** semasa menghantar permohonan DPJ, dan
 - iii. **Tidak menggunakan sebarang peruntukan Dana Universiti Penyelidikan, iaitu Geran Putra (GP, GP-IPM, GP-IPS, GP-IPB, GP-PI, GP-Berimpak dan sebagainya), dan Insentif Pemerkasaan Penerbitan Jurnal**
- c) **Kelayakan permohonan** adalah tertakluk kepada perincian bidang pemohon yang dinyatakan pada nota kaki di Jadual 1.
- d) **Kelayakan kadar pembiayaan adalah berdasarkan "quartile" tertinggi daripada DUA (2) penerbitan artikel yang dikemukakan** dalam perkara (b) semasa permohonan DPJ tersebut diproses. Rujuk kadar mengikut kadar yang ditetapkan pada (Jadual 1).
- e) Mohon maklum bahawa **kadar pembiayaan yang dipertimbangkan /diluluskan** adalah berdasarkan kepada **"quartile" dalam senarai JCR (JIF) tahun 2020.**
- f) Hanya **manuskrip yang diterima oleh pihak penerbit jurnal bertarikh sebelum atau pada 31 Ogos 2022 sahaja** yang akan diproses untuk pembiayaan DPJ.

- g) Permohonan yang dikemukakan akan diproses **bergantung kepada peruntukan kewangan semasa yang disediakan pada tahun 2022.**
- h) Permohonan perlu dibuat **menggunakan versi terkini "Borang Permohonan Bayaran Penerbitan Jurnal", pindaan 25 Mei 2022,** yang boleh dicapai melalui pautan berikut:
- a. [menu1320220527154036BORANG DANA PENERBITAN JURNAL \(DPJ\) 270522.pdf \(upm.edu.my\)](#) atau
 - b. [20220527153952BORANG DANA PENERBITAN JURNAL \(DPJ\) 270522.pdf \(upm.edu.my\)](#)

Sila hubungi Pegawai di bawah untuk pertanyaan berkaitan permohonan bayaran penerbitan jurnal:

- EN. MOHD AKERAM (Tel: 03-97691638) akeram@upm.edu.my
- EN. MOHAMAD NAZIRUL (Tel: 03-97691639) nazirul@upm.edu.my
- PN. YUSNITA BINTI TUGIRAN yusnita@upm.edu.my
- EN. MUHAMMAD HAZIQ BIN KAMARULZAMAN haziq.kamarulzaman@upm.edu.my